

PROSEDUR CLOZE

PROSEDUR CLOZE (Latihan 1)

ARAHAN: Pilih perkataan yang sesuai dari senarai yang diberi di bawah ini bagi setiap tempat kosong. Tulis jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

atau	bagi	dipaksa	mudah
payah	pujuk	pukul	sedap

Ramai kanak-kanak yang masih kecil tidak suka makan ubat. Jika mereka jatuh sakit atau demam, kanak-kanak ini enggan makan ubat. Kanak-kanak ini akan lari ke tempat-tempat lain di mana ibu bapa mereka akan dapati **(1)**_____ untuk berinya ubat.

Kanak-kanak ini akan menangis, menjerit **(2)**_____ meronta semasa mereka disuap ubat. Kebanyakan daripada kanak-kanak ini mesti **(3)**_____ untuk makan ubat.

Ibu bapa ambil pelbagai langkah untuk **(4)**_____ anak-anak mereka ini. Ada yang mengatakan ubat itu manis atau **(5)**_____ dan sebagainya. Ada juga yang berjanji untuk beri hadiah selepas mereka makan ubat itu. Kanak-kanak yang masih kecil ini tidak sedar ubat sangat perlu untuk sembuhkan penyakit mereka itu.

PROSEDUR CLOZE (Latihan 2)

ARAHAN: Pilih perkataan yang sesuai dari senarai yang diberi di bawah ini bagi setiap tempat kosong. Tulis jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

ambil	bayar	ke	kerana
membeli	ramai	sewa	terletak

Wak Haji Sudin seorang penjaja nasi padang dan pelbagai masakan. Dia juga menjual nasi lemak, lontong dan pelbagai macam mi. Wak Haji Sudin (1)_____ sebuah gerai di sebuah kedai kopi di tingkat bawah bloknya. Bloknya itu (2)_____ di Estet Perumahan Bedok West.

Wak Haji Sudin beruntung (3)_____ berdekatan dengan bloknya itu ada pasar, pusat membeli-belah, pusat penukaran bas dan kedai-kedai lain. Pada tiap-tiap hari, tempat ini sibuk dan (4)_____ orang berada di situ. Ramai orang yang datang (5)_____ makanan di gerainya sepanjang hari. Wak Haji Sudin dibantu oleh isterinya dan jirannya.

PROSEDUR CLOZE (Latihan 3)

ARAHAN: Pilih perkataan yang sesuai dari senarai yang diberi di bawah ini bagi setiap tempat kosong. Tulis jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

berniaga	disiapkan	kerana	makanan
minuman	panas	seperti	untuk

Pada pukul 3.00 pagi Wak Haji Sudin dan isterinya sudah bangun tidur. Mereka akan masak dan siapkan beberapa jenis lauk-pauk di rumah (1)_____ dijual di gerai makanannya. Pada pukul 5.00 pagi, mereka sudah siapkan lauk-pauk (2)_____ daging rendang, kuah lontong dan sebagainya.

Wak Haji Sudin akan bawa turun lauk- pauk yang sudah (3)_____ di rumahnya itu ke gerainya. Dia akan siapkan lain-lain masakan yang akan dijual pada hari itu. Pada pukul 6.00 pagi Wak Haji Sudin sudah mula (4)_____. Pada setiap pagi, ramai pelanggannya akan beli makanan yang masih (5)_____ dan bersarapan di kedai kopi itu.

Ramai juga yang akan beli untuk dibawa balik ke rumah mereka.

PROSEDUR CLOZE (Latihan 4)

ARAHAN: Pilih perkataan yang sesuai dari senarai yang diberi di bawah ini bagi setiap tempat kosong. Tulis jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

cari	cetek	dari	dengan
pinjam	rendang	siapkan	teduh

Pada hari Ahad lepas, Encik Johan, isterinya dan dua orang anak mereka pergi berkelah di Pantai Changi. Pada pagi itu sebelum pergi, Cik Amnah telah (1)_____ bekalan seperti nasi lemak, mi siam dan lain-lain untuk dibawa bersama. Amran dan Mira tidak lupa untuk bawa pakaian renang dan boya-boya mereka. Setelah semua bekalan disiapkan, mereka pergi (2)_____ menaiki kereta yang dipandu oleh Encik Johan. Apabila mereka tiba di Pantai Changi, ramai orang sudah berada di situ. Mereka (3)_____ tempat yang sesuai untuk duduk dan letak bekalan. Mereka pilih sebuah tempat di bawah sebatang pokok yang (4)_____.

Amran dan Mira yang tidak pandai berenang hanya bermain-main air di tempat yang (5)_____ dan dijaga oleh ayah mereka. Mereka juga dapat bermain pasir di pantai itu. Mereka berasa gembira dapat berkelah.

PROSEDUR CLOZE (5)

ARAHAN: Pilih perkataan yang sesuai dari senarai yang diberi di bawah ini bagi setiap tempat kosong. Tulis jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

alih	dengan	ikut	kemas
pulang	sebiji	sebuah	terletak

Seperti biasa, Razak bangun awal pada pagi itu. Setelah mandi, Razak bersolat lalu (1)_____ bilik dan katilnya. Dia salin kepada uniform sekolahnya lalu pergi ke ruang makan untuk bersarapan (2)_____ ayah dan ibunya.

Ayah Razak, Encik Zakaria, seorang kerani di (3)_____ bank dan ibunya pula seorang guru Melayu di sekolah Razak. Encik Zakaria akan hantar Razak dan ibunya ke sekolah mereka terlebih dahulu. Kemudian dia akan pergi ke tempat kerjanya yang (4)_____ di bandar.

Selepas sekolah, Razak akan (5)_____ bersama ibunya dengan menaiki bas. Mereka akan singgah di pasar mini dekat dengan rumah mereka untuk membeli bahan-bahan keperluan untuk makan malam keluarga mereka.

PROSEDUR CLOZE (6)

ARAHAN: Pilih perkataan yang sesuai dari senarai yang diberi di bawah ini bagi setiap tempat kosong. Tulis jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

cedera	hantar	ke	kepada
kesakitan	patah	terjatuh	untuk

Roslan berbasikal ke sebuah pasar serbaneka yang terletak lebih kurang 200 meter dari rumahnya. Dalam perjalanan (1)_____ pasar serbaneka itu, dia ternampak seorang lelaki tua sedang terbaring dengan sebuah basikal di sebelahnya di jalan raya. Orang tua itu mengerang kesakitan.

Roslan berhenti di sebelahnya (2)_____ memberi bantuan. Orang tua itu mengatakan dia terperanjat lalu (3)_____ daripada basikalnya apabila sebuah kereta membunyikan hon keretanya dengan kuat lalu memotongnya dengan laju. Roslan lihat siku orang tua itu (4)_____ dan berdarah. Roslan tidak nampak lain-lain kecederaan. Roslan hendak menelefon ambulans untuk (5)_____ orang tua itu ke hospital. Orang tua itu melarangnya. Dia mengatakan kecederaanya tidak serius.

PROSEDUR CLOZE (7)

ARAHAN: Pilih perkataan yang sesuai dari senarai yang diberi di bawah ini bagi setiap tempat kosong. Tulis jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

banyak	dengan	di	gembira
ke	peluk	pergi	sebuah

Sofiah sungguh gembira kerana ibu bapanya berjanji akan adakan majlis hari lahirnya yang kelapan pada minggu hadapan. Dia (1)_____ ibu dan bapanya sambil ucapkan terima kasih kepada mereka.

Ibu bapanya, Cik Maria dan Encik Hairul, suruh Sofiah salin pakaian kerana mereka hendak bawanya (2)_____ ke *Northpoint* untuk membeli-belah. Mereka hendak belikannya sebuah komputer riba. Sofiah (3)_____ kerana dia tidak perlu ganggu komputer-komputer ayah dan ibunya lagi.

Setelah mereka bertiga bersiap, mereka pun keluar rumah. Mereka perlu berjalan kaki sahaja (4)_____ *Northpoint* yang terletak berdekatan dengan rumah mereka. Sebaik sahaja berada di *Northpoint*, mereka menuju ke *Courts*. Di *Courts* terdapat (5)_____ perkakas elektronik. Sementara ayahnya memilih komputer, Sofiah dan ibunya pergi ke sebuah kedai pakaian.

PROSEDUR CLOZE (8)

ARAHAN: Pilih perkataan yang sesuai dari senarai yang diberi di bawah ini bagi setiap tempat kosong. Tulis jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

dari	daripada	dengan	handal
izin	larang	pastikan	siasat

Wadi sangat gemar main bola sepak. Dia mahu menjadi pemain bola sepak yang (1)_____ dan mewakili pasukan kebangsaan pada masa hadapan. Wadi selalu pergi ke sebuah padang dekat dengan rumahnya untuk bermain bola (2)_____ kawan-kawannya.

Ibu bapanya tidak (3)_____ Wadi bermain bola. Sebaliknya, ayah Wadi akan latih Wadi dan kawan-kawannya semasa mereka bermain. Wadi mesti bahagikan masanya untuk bermain dan belajar. Wadi ada jadual harian. Selepas pulang dari sekolah, Wadi akan duduk belajar (4)_____ pukul 2.00 hingga 4.00 petang. Wadi juga akan dipimpin oleh seorang guru tuisyen dua kali seminggu. Wadi (5)_____ semua kerja sekolahnya sudah diselesaikan dengan baik sebelum dia pergi bermain. Wadi bertanggungjawab dan tidak pernah lalai atau leka.

PROSEDUR CLOZE (9)

ARAHAN: Pilih perkataan yang sesuai dari senarai yang diberi di bawah ini bagi setiap tempat kosong. Tulis jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

bermain	kerana	mengajak	selalu
suruh	tendang	tumpukan	untuk

Jamil, Musa dan Salleh berkawan baik dan tinggal di blok-blok bersebelahan. Mereka belajar sedarjah dalam darjah 6. Ketiga-tiga orang murid ini berasa bimbang **(1)**_____ peperiksaan akhir iaitu PSLE akan berlangsung pada bulan hadapan.

Walaupun ketiga-tiga murid ini adalah pelajar-pelajar yang pandai dan **(2)**_____ lulus dengan cemerlang, mereka tidak mahu ambil senang. Jamil dan kawan-kawannya telah berjanji untuk **(3)**_____ perhatian mereka pada PSLE. Mereka akan berhenti **(4)**_____ bola dan lain-lain aktiviti sehingga PSLE tamat.

Jamil **(5)**_____ kawan-kawannya belajar di rumahnya setiap hari. Ibu Jamil, bekas seorang guru dapat pimpin mereka semasa belajar. Musa dan Salleh setuju dengan cadangan Jamil.

PROSEDUR CLOZE (10)

ARAHAN: Pilih perkataan yang sesuai dari senarai yang diberi di bawah ini bagi setiap tempat kosong. Tulis jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

ada	buang	dengan	gemar
kabinet	kotak	sebab	tentang

Ramlah seorang pelajar yang tidak suka buang masa. Dia akan guna masa lapangnya untuk perkara-perkara yang berfaedah. Pada waktu rehat, Ramlah yang (1)_____ membaca akan pergi ke perpustakaan sekolahnya untuk membaca dan meminjam buku-buku. Dia tidak suka (2)_____ masa dengan bermain.

Ramlah ada banyak buku yang dikumpulkannya dalam sebuah (3)_____ buku. Buku-buku ini dibeli oleh ibu dan bapanya. Ada juga buku-buku yang Ramlah beli (4)_____ menggunakan wang sakunya yang dikumpulkan.

Ramlah suka baca buku-buku cerita Melayu lama. Dia ada banyak buku cerita (5)_____ Abu Nawas, Lebai Malang, Badang, Mat Jenin dan banyak lagi. Selain daripada buku-buku ini, dia suka baca cerita-cerita seperti Bawang Putih Bawang Merah, Batu Belah Batu Bertangtup dan sebagainya.